

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL  
[ KUALA KEDAH ]  
SOALAN :  
TARIKH :**

**YB Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang masalah kesihatan Dato' Sri Anwar Ibrahim. Apakah diagnosa masalah beliau dan apakah rawatan yang diberikan sekarang berkesan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Masalah kesihatan Dato' Sri Anwar Ibrahim dan diagnosa masalah beliau tidak seharusnya dibincangkan secara terbuka tanpa mendapatkan kebenaran beliau terlebih dahulu bagi menghormati hak kerahsiaan seorang pesakit.

Buat masa ini, beliau dipantau oleh satu panel perubatan yang dianggotai oleh doktor-doktor pakar perunding yang bertanggungjawab memastikan beliau mendapat rawatan yang sewajarnya.